



SURAT KHABAR	:	KOSMO		
TARIKH	:	13/3/2019	MUKA SURAT	: 28 & 29
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Ahli renjer bantu didik generasi muda cintai hidupan liar

SEMPENA Hari Hidupan Liar Sedunia 2019, Pertubuhan Konservasi Alam Malaysia (Perkam) telah menganjurkan sambutan tersebut bersama Pusat Pemuliharaan Hidupan Liar, Paya Indah Wetland, Dengkil, Selangor baru-baru ini.

Renjer Konservasi Alam Sekolah Kebangsaan (SK) Bandar Behrang 2020, Tanjung Malim, Perak, **Pengerusi Pertubuhan Konservasi Alam Malaysia, Dr. Santharasekaran Subramaniam** berkata, objektif utama program tersebut adalah untuk memberi kesedaran kepada para pelajar mengenai kepentingan dan hidupan liar. "Ia merupakan salah satu aktiviti yang dilakukan oleh

Perkam untuk mengharai kelestarian alam dan keunikan hidupan liar yang menjadi khazanah negara. "Program sebegini penting untuk menyebarkan pengetahuan terutamanya kepada generasi muda mengenai spesies hidupan liar yang dipelihara di pusat ini" terangnya.

Tambah beliau, pihaknya ingin mempergiatkan aktiviti bersama semua renjer di peringkat kebangsaan agar nilai-nilai kemanusiaan bersama alam sekitar dapat dijalinakan secara terus.

Cintai alam
Sudah menjadi harapan dan visi penubuhan Renjer Konservasi Alam untuk lebih aktif dalam menjivai konsep kelesartian alam menerusi pendidikan alam sekitar kepada para pelajar dan guru.

Sehubungan itu, program tersebut telah membuktikan bahawa kehadiran ahli-ahli Renjer Konservasi Alam ke Pusat Pemuliharaan Hidupan Liar berjaya mendidik generasi muda untuk lebih mencintai alam sekitar dan hidupan liar. Antara aktiviti yang

dilakukan oleh peserta sepanjang berada di pusat tersebut ialah melihat kehidupan hidupan liar seperti badan air, buaya tembaga, burung undan, kura-kura spesies endemik dan landak. Selain itu, para peserta terlibat dengan aktiviti pengenalan hidupan liar dan aktiviti memberi makan kepada hidupan liar dengan pengawasan oleh petugas.

Acara memberi makan kepada badak air dan buaya dirruskan oleh pihak Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), Paya Indah



SANTHARASEKARAN

ABDUL HAKIM

Wetlands yang berkeluasan sebanyak 450 hektar menyediakan ruang kawasan pemuliharaan bagi pelbagai jenis hidupan liar terpilih dalam usaha menjayakan aktiviti pemuliharaan. Terdapat pelbagai jenis burung tempatan dan hijrah seperti swamphen ungu, burung wak-wak, burung kelicap, *brown shrike*, burung rampang dut, *sunbce snipe*, burung merbah dan merak. Sementara itu, **Kaunselor SK Bandar Behrang 2020, Abdul Hakim Radzi** berkata, aktiviti tersebut memberi pendedahan yang menyeluruh

mengenai alam sekitar dan hidupan liar. Salah seorang peserta, **S. Karthikesan**, 13, berkata, dia sungguh teruja melihat hidupan liar di pusat tersebut terutamanya badak air yang sangat besar.

Dinosaur

"Saya tidak sangka ia sangat besar kerana sebelum ini hanya melihatnya di dalam televisyen.

"Kembara ke pusat ini sungguh bermakna bagi saya kerana dapat melihat pelbagai hidupan liar," tuturnya. Dalam pada itu, seorang lagi peserta, **Aleeya Humairah Mohd. Nor Azhan**, 10, memberitahu, ia merupakan pengalaman pertama melihat buaya di hadapan mata.

"Walaupun nampak garang tetapi saya suka melihat rupa buaya yang unik sama seperti haiwan zaman dinosaur," ujarnya. Para peserta juga terlibat dengan aktiviti ceramah pengenalan ringkas mengenai badak air dan landak yang disampaikan oleh Santharasekaran selaku pengarah program.

Kuang tersedia oleh Paya Indah Wetlands, membuka mata semua peserta agar lebih sayang kepada spesies endemik dan hidupan liar yang dalam status ancaman kepupusan.